

'Tiada alasan cuba perdaya mahkamah'

Hakim tak teragak-agak mulakan prosiding menghina jika ada keperluan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Siti Nurazlinee Azmi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah mengingatkan semua pihak bahawa beliau tidak akan toleransi dengan mana-mana pihak yang cuba untuk memperdayakan mahkamah.

Peringatan itu berkaitan kehadiran bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Jumaat lalu dan keesokannya yang hadir bagi penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, walaupun mendapat sijil cuti sakit sehari sebelum itu.

Sequerah bagaimanapun memutuskan bahawa mahkamah tiada alasan untuk mengambil tindakan terhadap Najib selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak.

"Jika ada keperluan, saya tidak

akan teragak-agak untuk memulakan prosiding menghina mahkamah.

"Bagaimanapun, selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah menilai tiada keperluan untuk mengenakan sekatan kepada tertuduh (seperti dimohon pendakwaan)," katanya.

Hakim itu berkata demikian selepas mendengar hujahan berhubung isu kehadiran Najib di Tanjung Piai, pada prosiding perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Najib.

Dalam prosiding pagi semalam, Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, memberitahu mahkamah, beliau diarahkan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas untuk membangkitkan mengenai kehadiran Najib (pada Jumaat di Tanjung Piai) iai-

tu sehari selepas beliau menerima cuti sakit (MC) kerana mengalami jangkitan mata.

Mengikut Sri Ram, Najib dengan 'penuh ajaib' sembuh (daripada jangkitan mata) sehari selepas tidak dapat hadir perbicaraan di mahkamah.

"Ini bukan kali pertama perkara sedemikian berlaku... Sebelum ini beliau hadir Perhimpunan UMNO - PAS di Pusat Dagangan Dunia Putra selepas tidak dapat hadir di mahkamah," katanya.

Jelas Sri Ram lagi, terdapat rasa tidak puas hati di kalangan orang awam dan Peguam Negara sendiri menerima aduan mengenai tindakan Najib, malah ada laporan polis dibuat mengenainya (dalam insiden terbaru).

Sri Ram sehubungan itu memohon supaya mahkamah mengeluarkan perintah sekatan iaitu supaya Najib melaporkan diri ke-

Ini bukan kali pertama perkara sedemikian berlaku... Sebelum ini beliau hadir Perhimpunan UMNO - PAS di Pusat Dagangan Dunia Putra selepas tidak dapat hadir di mahkamah.

Gopal Sri Ram,
Timbalan Pendakwa Raya Kanan



pada balai polis berhampiran sekali seminggu iaitu pada hari Sabtu dan dilayan sama seperti individu lain yang menghadapi pendakwaan.

"Kami sudah banyak beri pelepasan dan sangat jelas beliau mengambil mudah dengan perkara itu.

"Peguam Negara juga mengarahkan aduan rasmi dibuat kepada doktor yang mengeluarkan cuti sakit itu. Peguam Negara menyatakan tertuduh menghina sijil cuti sakit itu dengan menjalankan aktiviti politik, oleh itu ia patut ditangani melalui peruntukan undang-undang," katanya.

Bagaimanapun, hujahan Sri Ram itu disanggah oleh peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang meluahkan kekecewaan terhadap arahan Peguam Negara yang disifatkan sebagai tidak cuba mendapatkan fakta

mengenai apa yang sebenarnya berlaku.

"Doktor yang mengeluarkan sijil sakit memenuhi peruntukan dalam Akta Perubatan, anak guam saya tidak sihat dan tidak dapat hadir di mahkamah, jadi beliau ambil cuti sakit," katanya.

Muhammad Shafee berkata, Najib berada di Tanjung Piai pada hari Jumaat dan masih mengalami bengkak di matanya yang dilaporkan di media dan ada rakaman video untuk membuktikannya.

Tambahnya lagi, laporan polis itu pula dibuat 'individu anti-Najib' dengan nama Datuk Mohd Faisal Karim yang sepatutnya berani datang ke mahkamah dan menyoal rasa tidak puas hati.

Katanya, Najib juga dijadualkan menjalani ujian darah penuh bagi menentukan punca alahan dialaminya.